

04 AUG 1999

PERTANIAN-PEMBANGUNAN

PEMBANGUNAN PERTANIAN, PERIKANAN DITENGGELAMI TUMPUAN KEPADA INDUSTRI

Oleh: Siti Hawa Othman

KUALA LUMPUR, 4 Ogos (Bernama) -- Dasar-dasar bagi pembangunan pertanian dan perikanan telahpun wujud tetapi tidak memadai disebabkan kecenderungan ke arah sektor perindustrian yang menarik, seorang tokoh korporat berkata.

Datuk Hassan Harun, Pengerusi KUB Malaysia Bhd dan anggota Majlis Perundangan Eknomi Negara (Mapen 2), memberitahu Bernama pembabitan peladang-peladang dan nelayan adalah kecil dan mereka seharusnya kini lebih moden sejajar dengan keperluan alaf baru.

Beliau mengulas ucapan Perdana Menteri yang mengatakan sektor-sektor pertanian dan perikanan perlukan pendekatan pembangunan baru seperti memperkenalkan kaedah-kaedah pengurusan ladang besar-besaran dalam pengeluaran sayur-sayuran dan buah-buahan dan juga ternakan ikan dan menggunakan teknik-teknik baru penangkapan ikan.

Dalam ucapan beliau, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sektor pertanian sebelum ini tidak banyak diberikan perhatian kerana negara menumpukan kepada memajukan industri perkilangan. Perhatian diberikan terutamanya kepada pembangunan ladang-ladang getah, kelapa sawit dan koko.

"Kita tahu bil import makanan merupakan bahagian terbesar pengaliran keluar tukaran wang asing kita... sebaliknya, hasil daripada pengeluaran sayur-sayuran, buah-buahan dan bunga-bunga jauh melebihi hasil getah, minyak sawit atau koko," katanya.

Hassan berkata ketika negara meningkatkan kecekapannya, ia tidak harus lupa keperluan asas rakyat.

Beliau juga berkata pengeluaran makanan mestilah didekati melalui penggunaan teknologi baru dan dua bidang pertanian dan perikanan akan memerlukan lebih banyak usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Harun menganggap ucapan Perdana Menteri itu sebagai menyentuh semua aspek perkara dan menjadi garis panduan berkaitan dengan isu-isu dan cabaran-cabaran yang akan dipertimbangkan apabila merangka pelan bagi alaf baru.

Mengenai kepentingan pelancongan dalam alaf akan datang, Presiden Persatuan Agen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA), Tunku Iskandar Tunku Abdullah berkata pelancongan telah terbukti di banyak ekonomi dunia sebagai usaha ekonomi yang boleh membawa masuk tukaran wang asing dengan pesat.

Tunku Iskandar, yang juga anggota Mapen 2, berpendapat bahawa penekanan kini seharusnya kepada menggalakkan lagi pelancongan ke dalam dan domestik kerana bidang ini telah menerima sokongan hebat di dalam beberapa tahun lalu.

"Setahun yang lalu menyaksikan lonjakan besar dalam pelancongan domestik. Rakyat kita sendiri mengembaraan di dalam negara. Ini mungkin disebabkan Sabtu menjadi hari cuti dan kos perjalanan luar negara yang lebih tinggi, di samping pembangunan baik pusat-pusat riadah pelancong tempatan dan prasarana," katanya.

Penekanan kuat patut diberikan kepada konsep mesyuarat, insentif, konvensyen dan pameran atau MICE memandangkan adalah didapati bahawa para peserta acara-acara tersebut membelanjakan dua hingga tiga kali lebih banyak daripada pengembara riadah.

Bagaimanapun, perkara pertama yang perlu dilakukan sekarang ialah memulihkan industri pelancongan yang sedang dalam aliran menurun, kata beliau. -- BERNAMA

SHO OS JR